



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

11 SEPTEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **2,163 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **172,146 kes**.

2 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

3 **Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah**

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Secara keseluruhan angka kes COVID-19 yang dicatatkan hari ini tidak banyak berbeza dengan angka semalam. Ia sekadar susut sedikit kepada (2,163) kes berbanding (2,246) kes semalam (10 September 2021). Walaupun berlaku penurunan kes yang banyak di beberapa daerah tetapi terdapat daerah yang lain mencatatkan peningkatan kes.

- b. Kota Kinabalu naik mendadak hari ini daripada (302) kes semalam kepada (449) kes. Kenaikan kes ini berpunca daripada (134) kes baharu di kalangan tahanan di Depo Imigresen Kota Kinabalu. Terdapat (153) kes melibatkan OKT di seluruh negeri Sabah hari ini.
- c. Daerah Kota Marudu, kes bertambah (+108) kes hari ini daripada (47) kes semalam kepada (155) kes. Daerah Ranau naik (+57) kes daripada (28) kes kepada (85) kes hari ini, Kalabakan juga menambah (+56) kes dan Putatan (+35) kes. Tetapi Kinabatangan turun (-94) kes daripada (112) kes kepada (18) kes sahaja hari ini. Lahad Datu, Tuaran dan Kota Belud juga turun.
- d. Daripada (2,163) kes hari ini, (756) kes atau 35.0% adalah kes yang berdaftar lewat antara 2 hingga 3 hari selepas keputusan saringan diketahui, (249) kes atau 11.5% lewat daftar antara 4 hingga 5 hari dan (174) kes atau 8.0% adalah kes yang lewat daftar melebihi 5 hari.
- e. Saringan Kontak Rapat menyumbang 57.6% atau (1,246) kes daripada (2,163) kes hari ini, Saringan Bergejala 31.2% atau (675) kes, Saringan Kluster (36) kes, Saringan Bersasar lapan (8) kes dan Saringan Lain (198) kes.
- f. 83.2% atau (1,799) kes hari ini melibatkan warganegara Malaysia dan 16.8% atau (364) kes pula adalah bukan warganegara. (181) kes melibatkan kanak-kanak yang berumur 5 tahun kebawah termasuk (22) kes adalah bayi yang berumur kurang daripada satu tahun. (397) kes atau 18.4% adalah remaja yang berumur antara 6 hingga 17 tahun.
- g. Sejumlah (607) kes atau 28.1% hari ini adalah pesakit dalam Kategori 1, (1,374) kes atau 63.5% dalam Kategori 2, (17) kes dalam Kategori 3, lapan (8) kes dalam Kategori 4 dan dua (2) kes dalam Kategori 5. (155) kes lagi masih dalam siasatan.
- h. Setakat 10 September 2021, 50.68% penduduk dewasa Sabah telah pun melengkapkan pengambilan vaksin dan 66.58% lagi telah memperolehi 1 dos.
- i. Mengikut statistik CITF, setakat 10 September 2021, 100% penduduk dewasa di Daerah Beaufort dan Putatan telah pun mengambil sekurang-kurangnya satu dos, 94% di Kuala Penyu, 88% di Kota Kinabalu dan 82% di Sipitang.

- j. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (1,246) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	36	1.70%
2	Bergejala	675	31.20%
3	Kontak	1,246	57.60%
4	Bersasar	8	0.40%
5	Lain-lain	198	9.20%
JUMLAH		2,163	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (10 September 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 10/09/2021	Catatan Kes 11/09/2021	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	302	449	+147
2	Kota Marudu	47	155	+108
3	Ranau	28	85	+57
4	Kalabakan	4	60	+56
5	Putatan	68	103	+35
6	Tenom	23	37	+14
7	Kudat	49	58	+9
8	Papar	114	122	+8
9	Tawau	95	100	+5
10	Tambunan	11	16	+5
11	Sandakan	244	245	+1
12	Pitas	41	41	Mendatar
13	Kinabatangan	112	18	-94
14	Penampang	149	64	-85
15	Tuaran	196	112	-84
16	Lahad Datu	201	141	-60
17	Kota Belud	115	56	-59
18	Beaufort	59	12	-47
19	Keningau	105	77	-28
20	Nabawan	49	32	-17
21	Kunak	44	28	-16
22	Telupid	57	42	-15
23	Beluran	63	53	-10
24	Tongod	25	17	-8
25	Sipitang	10	7	-3
26	Semporna	30	29	-1
27	Kuala Penyu	5	4	-1
JUMLAH		2,246	2,163	-83

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (28 Ogos – 10 September)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	340	84	0	25	449	5,936
Sandakan	0	87	93	0	65	245	3,815
Kota Marudu	0	109	37	0	9	155	1,142
Lahad Datu	8	51	64	7	11	141	1,344
Papar	0	54	66	0	2	122	1,829
Tuaran	0	67	40	0	5	112	2,670
Putatan	0	56	47	0	0	103	985
Tawau	0	25	63	0	12	100	1,886
Ranau	0	71	11	0	3	85	720
Keningau	13	40	18	0	6	77	1,351
Penampang	0	28	31	0	5	64	2,142
Kalabakan	0	24	22	0	14	60	250
Kudat	0	43	15	0	0	58	657
Kota Belud	0	42	13	0	1	56	1,191
Beluran	0	45	7	0	1	53	439
Telupid	0	32	2	0	8	42	656
Pitas	0	35	5	1	0	41	572
Tenom	6	23	6	0	2	37	547
Nabawan	5	19	7	0	1	32	457
Semporna	0	5	6	0	18	29	192
Kunak	0	21	5	0	2	28	342
Kinabatangan	2	5	5	0	6	18	837
Tongod	2	0	14	0	1	17	355
Tambunan	0	9	7	0	0	16	187
Beaufort	0	6	5	0	1	12	393
Sipitang	0	6	1	0	0	7	263
Kuala Penyu	0	3	1	0	0	4	99
JUMLAH	36	1,246	675	8	198	2,163	31,257

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Keningau	Kluster Pagar Sebrang	13
Nabawan	Kluster Lima	2
	Kluster Sawit Simpang Batu 38	3
Tenom	Kluster Sibulu	6
Lahad Datu	Kluster Sawit Jeroco	8
Tongod	Kluster Kampung Penangah	2
Kinabatangan	Kluster Sawit Perpaduan	1
	Kluster Sawit Sukau	1
JUMLAH		36

5 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 11 SEPTEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	2,006
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	4
Orang Dalam Tahanan /Banduan	153
Jumlah	2,163

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Selangor	2
WP Kuala Lumpur	1
WP Labuan	1
Jumlah	4

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	1,799
Bukan Malaysia	364
Jumlah	2,163

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	578
Belum Menerima Vaksin	797
Menerima 1 Dos	171
Lengkap 2 Dos	617
Jumlah	2,163

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	22
1 to 5	159
6 to 17	397
18 to 59	1,404
>60	181
Jumlah	2,163

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 11 September 2021)
1	Ranau	10
2	Putatan	6
3	Kota Belud	5
4	Tawau	5
5	Kudat	4
6	Kota Kinabalu	3
7	Keningau	3
8	Papar	3
9	Kota Marudu	2
10	Beluran	1
11	Telupid	1
12	Tenom	1
13	Tongod	1
JUMLAH		45

D STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 67,164 orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 juga, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 58,575 orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **12,632** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,700,105 orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula **22,940** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,270,004 orang.
- 5 Pada hari ini sebanyak 8,977 orang telah menerima vaksin dos tunggal Cansino menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 69,393 orang.

E BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **589,665** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

F LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 89 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 32,050 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 160 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 68 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 27 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - 10 Orang : Tidak Memakai Pelitup Muka
 - Enam (6) Orang : Rentas Negeri/Daerah Tanpa Kebenaran
 - Sembilan (9) Orang : Aktiviti Pusat Hiburan
 - Dua (2) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 132 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 34 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 960 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada notis/amaran dan kompaun dikeluarkan oleh PBT.

- ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 299 premis perniagaan dan 395 individu di 18 kawasan. Satu (1) kompaun dikenakan ke atas premis dengan kesalahan premis gagal menyediakan pengimbas suhu di Restoran Mantai Beaufort, Iramanis Centre. Dua (2) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Gracie Unisex Hair Beauty, Iramanis (1 Orang) dan Pet House Sdn. Bhd., Iramanis (1 Orang).
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 308 Premis Perniagaan melibatkan 175 anggota APM. Sebanyak dua (2) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 157 anggota di 192 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 32 premis, melibatkan 12 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 191 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 11 daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 150 hebahan di seluruh Sabah.

G KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **95.6%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Papar	96%
2	Penampang	96%
3	Tuaran	96%
4	Sipitang	96%
5	Beaufort	96%
6	Kota Marudu	96%
7	Kota Belud	96%
8	Keningau	96%
9	Kunak	95.5%
10	Beluran	95.5%
11	Lahad Datu	95.5%
12	Kinabatangan	95.5%
13	Tenom	95.5%
14	Ranau	95.5%
15	Kudat	95%
16	Semporna	95%
17	Sandakan	95%
18	Tawau	95%
19	Kota Kinabalu	94.5%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Nota : Terdapat beberapa data belum diterima dan akan dilengkapkan kemudian apabila telah diterima.

Sekian.

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**



KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

Maklumat Tambahan kepada Kenyataan Media YB Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan dan Menteri Kewangan II bertarikh 11 September 2021.


Sebagai tambahan kepada Kenyataan Media yang telah diedarkan pada jam 7 malam, berikut adalah data-data tambahan yang baharu diterima dari pihak KKM dan MKN:

A

- 1 Sebanyak 53 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu 22 kes di Sandakan, enam (6) kes di Tawau, lima (5) kes di Penampang, empat (4) kes di Kota Belud, tiga (3) kes di Keningau, Tuaran dan Kota Kinabalu, dua (2) kes di Kinabatangan manakala Semporna, Tenom, Tongod, Telupid dan Pitas masing-masing mencatatkan satu (1) kes. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 2,009 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 146,298 orang. Manakala 4,850 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,641 orang di hospital, 3,120 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 83 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala enam (6) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 201 orang merangkumi 125 di ICU/repurposed kritikal care serta 76 di open ward (HDW/kubikel akut) dan 81 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



- 4 Jumlah kapasiti katil 7,221 unit
- Hospital 1,864 unit.
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,685 unit.
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 67.08%.

B PELAKSANAAN PKPD BARU

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan **DILAKSANAKAN** di lokaliti-lokaliti seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Taman Semarak Megah, Tawau	13 September 2021	26 September 2021

C PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Kampung Tuhau, Matunggong, Kudat	16 Ogos 2021	Ditamatkan pada 12 September 2021 seperti yang dijadualkan
2.	Empat (4) lokaliti di Putatan <ul style="list-style-type: none">• Taman Ketiau• Platinum Apartment• Taman Teluk Villa• Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Sri Serigai	30 Ogos 2021	Ditamatkan pada 12 September 2021 seperti yang dijadualkan

Sekian.

#MalaysiaPrihatin

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN**

MENTERI KEWANGAN II

11 SEPTEMBER 2021